

28 MAY 1996

Yong-Unik

YONG DILANTIK KM DALAM SISTEM PERALIHAN KUASA YANG UNIK

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Apabila Datuk Yong Teck Lee mengangkat sumpah memegang jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru, ia bukan hanya merupakan majlis angkat sumpah yang pernah disaksikan berlangsung di dewan Istana di Kota Kinabalu sejak negeri itu mencapai kemerdekaan dalam Malaysia pada 1963.

Majlis bersejarah hari ini amat bermakna sekali terutama kepada politik Sabah daripada apa yang dapat disaksikan oleh para tetamu secara sekilas lalu.

Ia menandakan buat kali pertamanya bukan sahaja di Malaysia tetapi barangkali di tempat lain bermulanya satu sistem penggiliran bagi jawatan Ketua Menteri di sebuah negeri.

Perlantikan Yong di bawah sistem "peralihan kuasa" yang unik ini juga melenyapkan ketidakpastian berbulan-bulan lamanya terhadap sistem yang penuh kontroversi itu dengan parti-parti politik di Sabah berbelah-bahagi terhadap keupayaan dan keberkesanannya.

Dengan menjadi Ketua Menteri ke-10, Sabah juga boleh dikatakan mencatat rekod mempunyai paling banyak Ketua Menteri sejak merdeka.

Bilangan yang besar penyandang jawatan Ketua Menteri boleh dikaitkan dengan iklim politik negeri itu yang mudah berubah, perlantikan Yong juga boleh dilihat sebagai bermulanya satu era perkongsian kuasa dalam sistem kerajaan campuran Barisan Nasional (BN) yang juga unik.

Ia merupakan hasil cetusan buah fikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang telah membuat janji menjelang pilihan raya negeri Sabah pada 1994 bahawa tiga kaum terbesar -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- akan bergilir-gilir menjadi Ketua Menteri jika BN memenangi pilihan raya itu.

Sungguhpun kebanyakan parti-parti komponen BN di Sabah pada mulanya menentang cadangan sistem penggiliran itu, Dr Mahahir bertekad bahawa janjinya itu tidak harus diragui, dengan menyatakan bahawa "janji tetap janji".

Pihak-pihak yang meragui terhadap sistem penggiliran itu telah menyuarakan kebimbangan ia akan memberi kesan kepada kestabilan politik tetapi sebaliknya jika ia tidak dilaksanakan, ia juga boleh menimbulkan masalah politik lain.

"Kita perlu menyokong sistem itu kerana dalam BN, kita perlu membuat pengorbanan untuk kebaikan negeri itu untuk jangka panjang," kata Datuk Osu Sukam, seorang pemimpin Umno Sabah, yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi kepada Bernama hari ini.

Lebih menggembirakan ialah adanya laporan sokongan kepada Yong sebagai Ketua Menteri mencurah-curah berikutan perlantikannya termasuk daripada semua parti komponen BN, bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh dan pertubuhan-pertubuhan lain.

Yong telah mengambil alih tampuk pemerintahan negeri yang kaya dengan sumber semula jadi itu ketika ia menikmati kestabilan politik dalam beberapa tahun ini dan mencatat pertumbuhan ekonomi yang sangat menggalakkan di bawah kepimpinan Datuk Salleh Said Keruak.

Moto kepimpinan Salleh ialah mewujudkan kerajaan yang tulen and terbuka, satu janji yang dibuatnya kepada Dr Mahathir semasa beliau dilantik sebagai Ketua Menteri pada 1994, dan ini telah ditunaikannya.

Cabaran khidmat Yong dalam masa dua tahun atau lebih ini ialah sektor ekonomi, dan pendiriannya untuk mengelak diri daripada kemelut politik.

Yong memberitahu Bernama bahawa beliau memberikan keutamaan untuk menarik pelaburan ke Sabah bukan sahaja dari negara-negara pelabur yang sudah terkemuka tetapi kepada Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA), yang juga meliputi Filipina, Indonesia dan Brunei.

Keyakinan Yong yang utama ialah beliau mendapat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan, satu-satunya syarat paling penting bagi seseorang Ketua Menteri di "Negeri Bawah Bayu" itu.-- BERNAMA

AU OBA